



PERTANDINGAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU

**BERSEMPENA DENGAN
DEKAD BAHASA KEBANGSAAN 2021
SEKTOR INDUSTRI KHUSUS**

#DekadBahasaKebangsaan #BahasaJiwaBangsa

"KENANGAN MENAIKI KERETA API KTMB"

**KATEGORI KANAK-KANAK
10 - 12 TAHUN**



Tarikh Tutup: 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

HADIAH PERTAMA

HADIAH KEDUA

HADIAH KETIGA

SAGU HATI

RM500.00

1 Baucar Tiket ETS
dan Sijil

RM300.00

1 Baucar Tiket ETS
dan Sijil

RM200.00

1 Baucar Tiket ETS
dan Sijil

RM100.00

dan Sijil
(3 pemenang)

**Borang penyertaan berserta terma dan syarat pertandingan
boleh dimuat turun melalui laman sesawang KTMB,
www.ktmb.com.my**



ktmbofficial



ktm berhad



ktm_berhad

**Sebarang pertanyaan lanjut,
e-melkan kepada dbksik2021@gmail.com atau
hubungi talian 03-2267 1200**



**PERTANDINGAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU
BERSEMPENA DENGAN
DEKAD BAHASA KEBANGSAAN 2021
PERINGKAT SEKTOR INDUSTRI KHUSUS**

1.0 SYARAT PENYERTAAN

- 1.1 Pertandingan terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 10-12 tahun (kanak-kanak) kecuali keluarga urus setia pertandingan.
- 1.2 Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 September 2021.
- 1.3 Peserta bebas menentukan tajuk karangan tetapi mestilah bertepatan dengan tema “Kenangan Menaiki Kereta Api KTMB”.
- 1.4 Penyertaan adalah **PERCUMA**.
- 1.5 Setiap peserta dibenarkan menghantar **SATU PENYERTAAN** sahaja.
- 1.6 Panjang karangan hendaklah antara 100 hingga 150 patah perkataan yang ditulis dalam bahasa Melayu.
- 1.7 Karya yang dihantar hendaklah karya asli yang tidak diciplak atau diambil daripada mana-mana sumber serta belum pernah disiarkan oleh pihak lain.
- 1.8 Karya yang dihasilkan tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama, tidak berunsurkan politik, dan bebas daripada unsur negatif.
- 1.9 Peserta memberi jaminan bahawa apa-apa bahan penerbitan semasa menghasilkan karya tidak melanggar mana-mana hak cipta yang ada dan tidak melanggar mana-mana undang-undang atau yang mengaibkan. Sekiranya berlaku kemungkiran jaminan ini, penganjur tidak akan bertanggungjawab dan segala kerugian ditanggung oleh peserta.
- 1.10 Penganjur berhak berkongsi karya yang terpilih untuk penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), sama ada karya dalam bentuk bercetak atau dimuat naik ke dalam media sosial rasmi tanpa sebarang tuntutan oleh peserta.
- 1.11 Penganjur mempunyai hak milik mutlak ke atas karya yang dihantar oleh peserta.
- 1.12 Sebarang kos dalam menghasilkan karya ditanggung oleh peserta.
- 1.13 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas segala kehilangan harta benda, kemalangan, kecederaan atau kematian sewaktu penghasilan karya oleh peserta.
- 1.14 Karya akan dinilai berdasarkan kriteria yang berikut:
 - (a) Keaslian

- (b) Kejelasan dan Ketelitian Pola Bahasa
 - (c) Gaya Bahasa dan Teknik Penyampaian
 - (d) Kreativiti dan Impak
- 1.15 Keputusan panel juri adalah muktamad.
- 1.16 Urus setia pertandingan berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan.

2.0 TATACARA PENGHANTARAN KARYA

- 2.1 Peserta melengkapkan borang penyertaan yang boleh dicapai menerusi pautan <https://forms.gle/EhhALjZ1bzqq9sei7>
- 2.2 Peserta menyediakan penulisan karangan bertaip mengikut format seperti yang berikut:
- (a) Jenis dan saiz rupa taip Arial bersaiz 12 dengan langkau baris 1.5 dan penajaran *Justified* pada fail MsWord.
 - (b) Salinan lembut (*softcopy*) disimpan sebagai fail berformat PDF.
 - (c) Fail karya dinamakan dengan nama penuh peserta seperti "NurasmidarZamanhur".
- 2.3 Peserta memuat naik karya menerusi pautan pada item 2.1.

3.0 HADIAH PERTANDINGAN

- (a) Hadiah Pertama – RM500 + 1 baucar tiket ETS + Sijil penghargaan
- (b) Hadiah Kedua – RM300 + 1 baucar tiket ETS + Sijil penghargaan
- (c) Hadiah Ketiga – RM200 + 1 baucar tiket ETS + Sijil penghargaan
- (d) Sagu hati (3 orang) – RM100 + Sijil penghargaan

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, peserta boleh menghubungi urus setia di bawah:

Urus Setia,
En. Hafeezul (KTMB)
En. Zahir (KTMB)
Pn. Mardhiah (DBP)
E-mel : dbksik2021@gmail.com
No. Telefon: 03 – 2267 1200